



## UMP meterai kerjasama dengan Dezhou University China

Oleh: NOR ASHIKIN SULAIMAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus memperkasakan hubungan dengan negara China apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Dezhou University merangkumi kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Majlis menyaksikan acara menandatangani MoU disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed dan Timbalan Presiden Dezhou University, Profesor Ji Quiqi.

Hadir sama Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Menurut Dato' Dr. Mortaza, kerjasama melibatkan program pertukaran pelajar, program mobiliti pelajar 'Inbound' dan 'Outbound' serta penempatan staf di kedua-dua buah universiti ini.

"Melalui pelaksanaan program ini, ianya secara tidak langsung memperkayakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran staf dan pelajar serta bertukar budaya dan pembangunan akademik," katanya semasa menyampaikan ucapan mengalu-alukan kunjungan delegasi dari negara China pada

15 Februari 2014 yang lalu.

Beliau berharap agar hubungan kerjasama yang terjalin di antara UMP dan Dezhou University dapat dikembangkan melalui lebih banyak aktiviti perkongsian ilmu dan kepakaran bagi memberi nilai tambah kepada kedua-dua buah universiti termasuklah Profesor Pelawat, Sabatikal dan Post-Doctoral.

Delegasi turut disertai Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pengajaran, Li Yong Ping, Pengarah Kolej Pengurusan Informasi, Li Li, Timbalan Pengarah Pejabat Pertukaran dan Kerjasama

Antarabangsa, Gao Li, Timbalan Pengarah Kolej Pengurusan Informasi, Ding Yi dan Chen Yudong

Sementara itu, pihak Dezhou University turut melahirkan hasrat untuk membangunkan Program Dwi-Ijazah (2+2) di antara UMP dan Dezhou University.

Antara bidang yang telah dikenal pasti adalah Pengurusan Maklumat, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan serta Kejuruteraan Awam. Delegasi turut berpeluang melawat Makmal Berpusat UMP dan Galeri UMP.

